



Ruj.Kami : KPM.100-16/4/3 Jilid. ()
Tarikh : 16 Oktober 2020

**SEMUA PENGARAH BAHAGIAN
SEMUA PENGARAH JPN**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PELAWAAN UNTUK SUMBANGAN MANUSKRIP BAGI JURNAL PENYELIDIKAN
PENDIDIKAN GURU TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Profesionalisme Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), akan menerbitkan Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru (JPPG) bagi tahun 2021. Sehubungan itu, Bahagian ini mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) daripada bahagian/institusi YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./tuan/puan yang berminat menyumbang manuskrip berbentuk penyelidikan berkaitan profesionalisme guru untuk dimuatkan dalam jurnal tersebut.

3. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Penulisan Manuskrip mengikut format yang ditetapkan dan Lampiran A: maklumat penulis untuk makluman serta tindakan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./tuan/puan. Sumbangan manuskrip tersebut perlu dihantar **secara softcopy** ke alamat emel tersebut **jurnalbpg@gmail.com**. Tarikh akhir penghantaran artikel tersebut adalah pada **15 Januari 2021**.

4. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada urus setia penerbitan JPPG di Unit Dasar Pembangunan Keguruan, **Cik Hasmidatul Suria binti Azmi** secara emel **hasmidatulsuria@moe.gov.my** / ditalian **03-88841228**.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK HAJAH MAIMUNAH BINTI HAJI SUHAIBUL)
Pengarah
Bahagian Profesionalisme Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia